



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

13 - 15 DISEMBER 2025 (SABTU - ISNIN)

Mohd Zaidy Tekankan Pentingnya Perhatian Serius Terhadap Isu dan Keperluan Rakyat

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Umno Online	Utama	Dalam Talian	12 Dis



SEREMBAN, 12 Dis – Persidangan Perbahasan Belanjawan Negeri Sembilan 2026 melabuhkan tirainya semalam dengan penuh komitmen daripada semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), termasuk ADUN Jeram Padang, Datuk Mohd Zaidy Abdul Kadir.

Mohd Zaidy menegaskan bahawa setiap isu, cadangan, dan keperluan rakyat perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan negeri.

“Persidangan ini memberi peluang kepada kami untuk

menyuarakan kebimbangan rakyat dan mengemukakan cadangan penambahbaikan bagi memastikan belanjawan tahun 2026 benar-benar memberi manfaat kepada rakyat Negeri Sembilan,” kata beliau.

Ujarnya, walaupun hari terakhir persidangan, perbahasan tetap berlangsung dengan bernas dan penuh tertib.

“Kita semua komited untuk memperkasa agenda pembangunan negeri. Penutupan persidangan ini

bukan pengakhiran, tetapi permulaan kepada usaha berterusan untuk membela rakyat dan membawa perubahan,” jelasnya.

Terdahulu beliau telah membangkitkan berkaitan isu anjing liar yang sering berkeliaran di Kampung Orang Asli Klebang.

Beliau menjelaskan bahawa penduduk kini hidup dalam keadaan bimbang apabila kawasan tersebut dikenal pasti sebagai tempat tumpuan dan pengumpulan anjing liar.

“Penduduk terutamanya kanak-kanak dan warga emas berada dalam keadaan tidak selamat. Kita tidak boleh tunggu sehingga berlaku insiden baru mahu bertindak,” tegas beliau dalam sidang tersebut.

Mohd Zaidy turut mencadangkan agar kerajaan negeri memperkemas prosedur tangkapan, mewujudkan operasi berjadual, dan meningkatkan koordinasi antara agensi agar tindakan lebih cepat, tersusun dan berkesan.

Menjawab persoalan mengenai pihak yang bertanggungjawab, Exco kanan negeri menjelaskan bahawa isu pengurusan anjing liar adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa

Tempatan (PBT) melalui Jabatan Kesihatan Persekitaran, dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk prosedur tangkapan dan kawalan haiwan malah turut memberi jaminan bahawa langkah-langkah segera akan diambil demi memastikan keselamatan penduduk setempat. – [UMNO ONLINE](#)

Loji Pemprosesan Hasil Pertanian dibina di Keningau Tahun Depan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Daily Express	News	Dalam Talian	13 Dis



Tahun hadapan akan menyaksikan pembinaan sebuah Loji Pemprosesan Hasil Pertanian di Keningau serta pelaksanaan Projek Makanan Tambahan Lebah Madu, dengan sokongan peruntukan berjumlah RM1.55 juta. - FOTO untuk ilustrasi sahaja.

Kota Kinabalu: TAHUN hadapan akan menyaksikan pembinaan sebuah Loji Pemprosesan Hasil Pertanian di Keningau serta pelaksanaan Projek Makanan Tambahan Lebah Madu, dengan sokongan peruntukan berjumlah RM1.55 juta.

Sektor perikanan, yang menyumbang 14.7 peratus kepada KDNK Pertanian Sabah dan mencatat imbangan dagangan positif RM494.58 juta pada 2023, akan menerima RM48.26 juta

pada 2026.

Daripada jumlah itu, RM13.90 juta diperuntukkan bagi 33 projek pembangunan baharu merangkumi pemuliharaan, penguatkuasaan, penyelidikan, latihan, peningkatan sosioekonomi, biosekuriti dan pembangunan ekonomi biru.

Ko-Nelayan, yang diluluskan RM108.45 juta di bawah RMK13, akan menerima RM25.11 juta tahun depan bagi melaksanakan 28 projek

pembangunan bertujuan memperkasa nelayan, mengukuhkan PKS dan mengembang sektor akuakultur.

Bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (DVS) diperuntukkan RM14.78 juta bagi pembangunan dan RM65.95 juta untuk operasi.

“Strategi berasaskan data akan digunakan untuk mencapai 25 peratus Nisbah Sara Diri (SSR) ruminan menjelang 2030,” kata Menteri Kewangan Datuk Seri Masidi Manjun semasa membentangkan Belanjawan Sabah 2026.

Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) pula menerima RM17.4 juta tahun depan, sebahagian daripada siling RM50.38 juta bawah RMK13 untuk 46 projek. Kerja pembangunan merangkumi penaiktarafan jalan pertanian, pembinaan bangunan pejabat baharu serta pembinaan stor baja dan racun perosak. Insentif Pengeluaran Pekebun Kecil Getah diteruskan dengan RM20 juta bagi menyokong pendapatan pekebun kecil.

Sementara itu, Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah (JPS) akan menerima RM157.13 juta, termasuk

RM25.41 juta untuk projek pembangunan seperti naik taraf sistem perparitan dan pengairan, mitigasi banjir, pemuliharaan sungai dan pantai, penstabilan sungai serta pemulihan kawasan sawah padi. Di bawah RMK13, JPS mempunyai siling projek keseluruhan RM302.88 juta.

Masidi berkata peruntukan menyeluruh ini menzahirkan komitmen Kerajaan Negeri membangunkan ekosistem pengeluaran makanan yang moden, berdaya saing dan berdaya tahan.

“Inisiatif ini akan meningkatkan kecekapan, menambah pengeluaran tempatan, memperkasa komuniti luar bandar dan memastikan sekuriti makanan Sabah untuk jangka panjang,” katanya.-

[DAILYEXPRESS](#)

Penternak Perlu Berubah, dari Jual Daging Mentah kepada Hasilkan Produk

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo! Online	Negara	Dalam Talian	13 Dis



Gambar yang dikongsi Mohamad di laman Facebooknya.

PETALING JAYA – Golongan penternak disaran supaya melangkah ke arah pemprosesan dan pemasaran produk sendiri bagi memberi nilai tambah sekali gus dapat meningkatkan pendapatan.

Ini kerana kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, sekiranya mereka hanya menjual lembu hidup atau daging mentah saja, nilainya terhad.

“Tapi bila kita proses, bungkus, jenamakan dan

pasarkan, harga naik, peluang kerja bertambah, dan pendapatan rakyat jadi lebih baik,” katanya dalam satu hantaran di laman Facebook.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, kementeriannya akan terus membantu dari segi teknologi, latihan, pensijilan dan akses pasaran supaya produk daging tempatan mampu bersaing di pasaran.

“Daripada lembu yang diternak, dagingnya diproses pula menjadi produk siap

seperti burger, kepingan daging perap dan makanan sejuk beku.

“Inilah contoh bagaimana hasil ternakan boleh diangkat menjadi produk hiliran yang memberi pulangan lebih tinggi kepada penternak dan usahawan,” katanya. – [KOSMO! ONLINE](#)

Langkah Berterusan Lindungi Kesihatan Awam, Tingkat Kesedaran Pemilik Haiwan di Kapit			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
UKAS Sarawak	Edisi Tengah	Dalam Talian	14 Dis



KAPIT: Kerajaan terus memperkukuh usaha melindungi kesihatan awam dan keselamatan komuniti menerusi pelaksanaan Program Mass Vaksinasi Anti-Rabies, Mikrochip dan Perlesenan Anjing 2025 di Ruang Legar Pejabat Majlis Daerah Kapit, Sabtu lalu.

Program anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Bahagian Kapit dengan kerjasama Majlis Daerah Kapit itu mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam membendung penularan

rabies, di samping memupuk kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab sebagai pemilik haiwan peliharaan, khususnya anjing.

Menerusi pelaksanaan program berkenaan, sebanyak 20 ekor anjing telah menerima vaksin anti-rabies, merangkumi tujuh ekor dos pertama dan 13 ekor dos penggalak.

Selain itu, 10 ekor anjing turut dipasang mikrochip, manakala seramai 13 orang pemilik haiwan tampil menyertai inisiatif tersebut.

Selain menyediakan perkhidmatan vaksinasi anti-rabies secara percuma, program ini turut memberi penekanan kepada pendidikan awam melalui khidmat nasihat serta kempen kesedaran berkaitan kepentingan vaksinasi, pendaftaran dan penjagaan haiwan peliharaan secara bertanggungjawab.

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan, beberapa syarat penyertaan telah ditetapkan antaranya haiwan peliharaan mestilah sihat, berumur sekurang-kurangnya tiga bulan serta tidak bunting atau menyusukan anak.

Usaha berterusan ini membuktikan kesungguhan DVS Sarawak bersama pihak berkuasa tempatan dalam memastikan kesejahteraan kesihatan awam dan mewujudkan persekitaran yang lebih selamat, khususnya di kawasan luar bandar seperti Kapit.

Sehubungan itu, orang ramai diseru agar terus memberikan sokongan dan kerjasama terhadap program kesihatan veterinar yang dianjurkan dari semasa ke semasa demi menjamin komuniti yang sihat dan bebas rabies. – [EDISI UKAS](#)

Agriculture, Fisheries, and Rural Development Drive Socio-Economic Growth			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Nabalu News	Post	Dalam Talian	14 Dis



KOTA KINABALU: The government's continued commitment to strengthening key sectors such as agriculture, fisheries, and rural development to drive socio-economic growth in the state, was emphasised in Sabah's Budget 2026 presented by Minister of Finance who is also Deputy Chief Minister II Datuk Masidi Manjun at the State Legislative Assembly on Friday.

In his speech, Datuk Masidi highlighted that the Agriculture, Fisheries, and

Food Industry Sector remain the backbone of Sabah's development, not only providing vital food sources but also contributing significantly to income and employment, especially in rural areas. "This sector will continue to be a key driver of Sabah's socio-economic progress," he stated.

The Minister announced that the government has allocated RM559.85 million for 2026 to support these sectors, with RM75.75 million set aside for operational assistance to fishermen,

farmers, and livestock breeders. “This allocation underscores our dedication to empowering rural communities and ensuring food security,” he added.

For the development of the crop subsector, the Sabah Department of Agriculture has been allocated RM171.36 million, including RM62.40 million for development projects. A total of 108 projects, including 107 new initiatives and one continuation, have been approved under the 13th Malaysia Plan, focusing on research, human capital training, crop development, and agrotourism.

Among the key projects for the upcoming year, Masidi mentioned the development of 15 Permanent Food Production Parks covering 595 hectares, with a target output of nearly 1,500 tonnes of vegetables and fruits. Other efforts include developing new crop varieties, environmentally friendly planting technologies, and soil and water conservation.

The government will also establish the Sabah Agricultural Biotechnology Centre (SABTeC) at the Agriculture Research Centre in Tuaran, equipped with state-of-the-art laboratories for biotechnology research.

“This centre will support high-impact research aimed at developing disease-resistant and high-yielding crop varieties, as well as advancing DNA marker technology for plant identification,” Masidi said.

In rural development, the Village Development Corporation (KPD) will implement 21 projects with a total allocation of RM21.07 million, including RM14.13 million for operations and RM6.94 million for new initiatives. The Contract Planting Programme will remain a priority, focusing on youth involvement and poultry farming, which is expected to boost local agricultural output and income.

The Minister also announced upcoming projects such as the construction of food processing plants in Keningau and the Honey Bee Supplementary Food Project, with a combined budget of RM1.55 million, aimed at increasing yields and supporting local farmers.

To promote local produce, KPD will establish 10 collection centres across districts including Beaufort, Keningau, and Kota Marudu, with RM1 million allocated to ensure their effective operation.

In the rubber sector, the Sabah Rubber Industry Board (LIGS) will receive a funding ceiling of RM50.38 million for 46 projects under RMKe-13. For 2026, RM17.4 million has been allocated for operational and developmental activities, including upgrading roads and building storage facilities. The rubber smallholder incentive programme will also continue with a RM20 million allocation next year.

The re-established Sabah Paddy and Rice Board (LPBS) aims to make Sabah self-sufficient in rice by 2030, targeting a 60% Self-Sufficiency Ratio. RM3 million has been allocated for operational expenses, along with RM15 million for modern harvesting and planting equipment. "Our goal is to revitalise abandoned paddy fields and improve infrastructure to make Sabah's rice industry more sustainable and profitable," said Datuk Masidi.

He also highlighted that the fisheries sector contributed 14.7% to Sabah's agricultural GDP in 2023, with a trade surplus of RM494.58 million. The sector will receive RM48.26 million next year for 33 new projects, including conservation, enforcement, research, and biosecurity programmes.

The Sabah Department of Fisheries will also implement 28 projects under the Sabah Fisheries and Fishermen Development Corporation (Ko-Nelayan), with a total allocation of RM108.45 million, focusing on empowering fishing communities and strengthening aquaculture.

In livestock, the Department of Veterinary Services (DVS) will continue high-impact projects to increase productivity and food security, with RM122.27 million allocated for 100 projects, including new initiatives and ongoing programmes.

As for the Department of Irrigation and Drainage (JPS), it will receive RM157.13 million for various infrastructure upgrades, flood mitigation, and river conservation projects, with 46 projects planned to improve Sabah's water management and flood control systems.-

[NABALUNews](#)

Pakar Navigasi Perang Ternak Kambing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	16	15 Dis

Pakar navigasi perang ternak kambing

- Bekas pegawai TLDM raih pendapatan lumayan
- Bermula dengan modal RM50,000


Oleh NOR AINNA HAMZAH

KUALA PILAH – Seorang bekas pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang mahir dalam ilmu navigasi peperangan di laut dan darat, menggunakan sepe-
nuhnya segala pengalaman dimilikinya dalam bidang keselamatan makanan untuk haiwan ternakan.

Mohamed Adib Abdul Razak, 35, berkata, dia mahu membantu memperkukuhkan keselamatan makanan ekor-an kadar sara diri bagi makanan kambing dan biri-biri di negara ini hanyalah sekitar 10.7 peratus sahaja.

Katanya, segala 10 prinsip peperangan seperti pemilihan, pengkalan misi serta pentadbiran diimplementasi sepenuhnya dalam projek berek biri yang dilaksanakan sejak dua tahun lalu di Kampung Kabong, Inas di sini.

"Benda lebih kurang sama untuk negara cuma laluan dan cabangnya berbeza. Jadi saya



MOHAMED ADIB memberi haiwan ternakannya makan ketika ditemui di Kampung Kabong, Inas, Kuala Pilah baru-baru ini.

“Tahun lepas saya jual 130 ekor kambing dan biri-biri dengan pendapatan RM250,000.”

pilih cabang ini disebabkan ingin menambah pendapatan dan menyumbang juga kepada keselamatan makanan.

“Saya bermula dengan modal RM50,000 di Hulu Langat, Selangor, namun tidak berjaya sebelum berpindah ke Sepri di Rembau. Di situ pun saya gagal sebelum membuka ladang di sini,” katanya.

Menurut Mohamed Adib, bermula dengan 10 ekor biri-biri, kini dia memiliki lebih 100 ekor dan mampu membekalkan baka kepada penternak baharu di sekitar Negeri Sembilan dan Kedah.

Tambahnya, pendapattannya terbahagi kepada tiga iaitu daging, makanan sedia makan dan ternakan.

“Tahun lepas saya jual 130 ekor kambing dan biri-biri dengan pendapatan RM250,000. Saya juga menanam rumput napier seluas empat ekar” katanya.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR